From: UUM CORPORATE COMM.
Sent on: Monday, 13 February, 2023 10:51:16 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SISKOR SERLAH JATI DIRI MAHASISWA

UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

13 FEBRUARI 2023 / 22 REJAB 1444H
==========

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Shamsaimi Ezil

SISKOR SERLAH JATI DIRI MAHASISWA















UUM ONLINE: Berbekalkan semangat kental dan kerjasama padu pelajar UUM menjayakan Kem Pemantapan Jati Diri Warga SISKOR di BBC Campsite, Kangar, Perlis.

Pengarah program, Nur Aini Sofia berkata, program ini mendedahkan 17 pelajar dari Kor Siskor Kumpulan A dengan pelbagai aktiviti setelah dua semester mengharungi pembelajaran secara dalam talian.

Jelasnya, objektif perkhemahan ini untuk memupuk semangat berkerjasama selain menanam nilai keprihatinan terhadap orang awam yang memerlukan bantuan di samping mengaplikasikan pengetahuan

kelangsungan hidup seperti yang dipelajari di dalam kelas.

“Perkhemahan ini berjalan dengan baik mengikut perancangan walaupun banyak cabaran yang dihadapi misalnya hujan tidak berhenti dari pagi sehingga malam, namun kesemua peserta dan jurulatih tetap bersemangat,” ujarnya.

Mahasiswa turut diiringi pegawai Penjara Alor Setar, Mohd Hanif Hafizri yang banyak membantu melancarkan lagi aktiviti memberi pendedahan berkaitan sejarah dan hal-hal penjara berkongsi pengalaman ketika bekerja di penjara.

KOR SISKOR bertujuan untuk mendedahkan pelajar mengenai organisasi penjara, sejarah dan kepentingan dalam pembangunan negara. Pelajar juga akan didedahkan Jabatan Penjara Malaysia dan asas sukarela, perbuatan, tindakan, peraturan dan undang-undang penjara serta latihan berbaris.

Sementara itu, Nur Farisha Zainol berpuas hati dengan aktiviti yang disifatkan sebagai pengembaraan terbaik sepanjang pengajiannya di UUM selain merapatkan ukhuwah bersama rakan KOR SISKOR.

“Ia merupakan satu-satunya waktu kami dapat mengenali satu-sama lain dengan lebih mendalam dan mencipta memori yang tidak ternilai walaupun kami sudah berada di kelas yang sama selama dua tahun.

Katanya, menyantuni orang kampung sambil menikmati keindahan dan merasai suasana desa dengan kehijauan sawah padi turut meninggalkan kenangan manis.

“Ketika sampai di Masjid As-Solihin, Kampung Chuping untuk membersihkan masjid kehadiran kami disambut mesra oleh penduduk yang menzahirkan rasa gembira kerana sudah lama tidak ada kunjungan sebegini ekoran pandemik Covid-19.

“Pihak masjid dan penduduk menyambut rombongan kami dengan penuh mesra serta menyediakan jamuan. Pengalaman yang menyeronokkan dalam usaha mengumpul ilmu baharu tentang perkhemahan,” ujarnya.

Manakala Jagadeesan A/L Chandra Segaran, teruja menimba pengalaman yang cukup bermakna sekali gus meningkatkan tahap jati diri.

“Kem dua hari satu malam ini melaksanakan program menyeronokkan seperti perkemahan, sukaneka dan mendaki Bukit Jernih yang merupakan aktiviti kegemaran dengan pemandangan yang cantik mempesona serta menyegarkan minda.

“Dalam sesi BBQ pula, kami bukan sahaja dapat menikmati juadah yang dimasak bersama malah mendengar sesi dari kaunselor penjara di samping mengeratkan hubungan antara jurulatih dan rakan sekelas,” ujarnya.

Tambahnya, sepanjang aktiviti berlangsung, peserta mempelajari semangat berpasukan terutamanya ketika menghadapi rintangan namun tidak mematahkan semangat serta saling membantu termasuklah ketika aktiviti pemasangan khemah hingga ke pendakian.



UUM Consider
UUM Footer

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.